

**SOALAN NO.: 115.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sehingga hari ini apakah proses yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam menghadapi isu harga komoditi getah di pasaran negara kita kerana penoreh getah belum melihat sebarang tindakan yang dibuat untuk membela dan membantu mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi-komoditi lain dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan dunia yang bergantung kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara pengimpor utama seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, China dan Jepun.

Berdasarkan kepada senario ini, usaha-usaha Kerajaan tertumpu kepada langkah-langkah membantu para pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil daripada kesan kejatuhan harga getah.

Pada bulan Mei yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM130 juta di bawah Skim Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini adalah sebagai langkah segera untuk membantu pekebun kecil termasuk penoreh getah menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa ini.

Di samping itu, usaha-usaha akan terus diambil supaya pekebun kecil menghasilkan getah yang bersih dan berkualiti untuk memastikan harga yang diterima adalah lebih baik.

Di peringkat antarabangsa, menerusi *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincang langkah-langkah yang lebih berkesan yang

harus diambil untuk memperkuatkan harga getah di pasaran. Satu persetujuan dijangka akan dicapai dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.